



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**TABUNG UNIT AMANAH  
BAHAGIAN II - PENCUKAIAN UNIT AMANAH**

**KETETAPAN UMUM NO. 6/2013**

**TARIKH KELUARAN: 23 MEI 2013**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**TABUNG UNIT AMANAH  
BAHAGIAN II - PENCUKAIAN  
UNIT AMANAH**

**Ketetapan Umum No. 6/2013  
Tarikh Keluaran: 23 Mei 2013**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 23 Mei 2013

Edisi pertama pada 23 Mei 2013

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TABUNG UNIT AMANAH  
BAHAGIAN II - PENCUKAIAN  
UNIT AMANAH**

**Ketetapan Umum No. 6/2013  
Tarikh Keluaran: 23 Mei 2013**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Asas Taksiran Unit Amanah	1
5. Taraf Mastautin	2
6. Potongan Perbelanjaan Di Bawah ACP 1967	2
7. Pencukaian Unit Amanah	3
8. Pencukaian Amanah Harta Selain REIT/PTF	10
9. Glosari	14

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**1. Objektif**

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan pencukaian tabung unit amanah dan amanah harta selain daripada unit amanah pelaburan harta tanah atau tabung amanah harta (REIT/PTF) yang dikawal oleh Suruhanjaya Sekuriti (SS).

**2. Peruntukan Berkaitan**

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 8, 21A, 33, 43, 44, 61, 63A, 63B, 63D, 110, subseksyen 4(a), 4(d), Bahagian I Jadual 1, perenggan 28, 35 dan 35A Jadual 6.

**3. Interpretasi**

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 3.2 "Ketua Pengarah (KP)" bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 3.3 "Orang" termasuk sebuah syarikat, badan orang, sebuah perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.
- 3.4 "Suruhanjaya Sekuriti" bermaksud Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498].

**4. Asas Taksiran Unit Amanah**

Tahun asas bagi suatu tahun taksiran atau tempoh perakaunan (bagi tempoh 12 bulan yang tidak berakhir pada 31 Disember) akan menjadi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran unit amanah. Ini ditentukan mengikut seksyen 21A ACP 1967. Semua subseksyen seksyen 21A terpakai kecuali subseksyen 21A (5) ACP 1967.

**Contoh 1**

Unit Amanah ABC mula beroperasi pada 1.11.2010 dan menyediakan akaun pertamanya sehingga 30.6.2011 dan akaun yang berikutnya sehingga 30 Jun setiap tahun.

Tempoh asas untuk tahun taksiran adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran**

**Tempoh Asas**

2010	1.11.2010 hingga 31.12.2010
2011	1.01.2011 hingga 31.12.2011
2012	1.07.2011 hingga 30.06.2012
2013	1.07.2012 hingga 30.06.2013

**5. Taraf Mastautin**

Unit amanah adalah suatu badan amanah. Mengikut subseksyen 61(3), ACP 1967, suatu badan amanah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran, jika mana-mana ahli pemegang amanah badan amanah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas itu.

**6. Potongan Perbelanjaan Di Bawah ACP 1967**

6.1 Mengikut subseksyen 33(1), ACP 1967, potongan untuk perbelanjaan yang semata-mata dan kesemuanya dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar dibenarkan daripada setiap punca pendapatan tabung. Contoh potongan perbelanjaan yang semata-mata dan kesemuanya dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar termasuk –

- (a) faedah atas wang yang dipinjam oleh unit amanah untuk membiayai pembelian pelaburan, dan
- (b) perbelanjaan langsung yang dilakukan dalam penyewaan harta tanah oleh unit amanah selain daripada REIT/PTF di mana pendapatan daripada sewaan harta tanah dikenakan cukai di bawah seksyen 4(d), ACP 1967.

6.2 Berikut adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh unit amanah yang tidak boleh dibenarkan kerana dianggap sebagai bukan semata-mata dan kesemuanya dilakukan dalam menghasilkan pendapatan pelaburan:

- (a) saraan pengurus,
- (b) penyelenggaraan senarai pemegang unit,
- (c) perbelanjaan pendaftaran saham, dan
- (d) fi kesetiausahaan, audit dan perakaunan, kos telefon, percetakan, kos alat tulis dan pos.

Walau bagaimanapun, mengikut seksyen 63B, ACP 1967, dalam menentukan jumlah pendapatan unit amanah bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, potongan khas dibenarkan berhubung dengan

perbelanjaan di atas yang dirujuk sebagai perbelanjaan dibenarkan. Potongan khas ditentukan mengikut formula:

$$A \quad X \quad \frac{B}{4C}$$

di mana

- A - Jumlah perbelanjaan dibenarkan dilakukan dalam tempoh asas itu,
- B - Pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen, faedah dan sewa yang dikenakan cukai bagi tempoh asas itu,
- C - Agregat pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen (sama ada dikecualikan atau tidak), faedah dan sewa dan keuntungan diperolehi daripada realisasi pelaburan (sama ada dikenakan cukai atau tidak) bagi tempoh asas itu.

Potongan perbelanjaan khas ini tertakluk kepada kadar minimum 10% daripada jumlah perbelanjaan dibenarkan untuk tempoh asas itu. Bahagian perbelanjaan yang dibenarkan akan ditolak daripada pendapatan agregat. Jika pendapatan agregat tidak mencukupi atau tidak ada pendapatan agregat, bahagian potongan khas yang tidak dapat diserap tidak boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

## 7. Pencukaian Unit Amanah

- 7.1 Tabung diberi layanan sebagai badan amanah dan pencukaian ke atas tabung ditentukan terutamanya oleh seksyen 61 dan 63B, ACP 1967.
- 7.2 Kadar cukai yang terpakai bagi tabung amanah adalah seperti yang ditetapkan di perenggan 2, Bahagian 1, Jadual 1, ACP 1967.
- 7.3 Contoh berikut menunjukkan pendapatan bercukai ditentukan dan cukai yang kena dibayar oleh suatu unit amanah.

### Contoh 2

Tabung Unit Amanah XYZ, ditubuhkan pada tahun 2001 melabur dalam saham dan bon. Akaun untung dan rugi bagi tahun berakhir 31.12.2012 adalah seperti berikut:

<b>Pendapatan</b>		RM
Dividen Malaysia (bersih)		300,000
Dividen (syarikat perintis - dikecualikan cukai)		100,000
Dividen daripada syarikat luar negara		100,000
Faedah (dikecualikan cukai)		5,000
Keuntungan atas pelupusan pelaburan		300,000
<b>Pendapatan kasar</b>		<b>805,000</b>
Tolak: Perbelanjaan		
Fi pemegang amanah	24,000	
Saraan pengurus	24,000	
Perbelanjaan pendaftaran saham	20,000	
Fi audit, perakaunan dan kesetiausahaan	12,000	
Perbelanjaan telefon dan alat tulis	6,000	
Percetakan dan pos	5,000	
		<b>91,000</b>
<b>Untung bersih</b>		<b>714,000</b>

**Pengiraan Cukai Kena Dibayar Bagi Tahun Taksiran 2012**

<b>Pendapatan</b>		RM
Dividen (dikasarkan) <sup>1</sup>		400,000
Dividen (dikecualikan cukai)		TIADA
Faedah (dikecualikan cukai)		TIADA
<b>Pendapatan kasar</b>		<b>400,000</b>
Tolak:		
Potongan khas untuk perbelanjaan dibenarkan <sup>2</sup>		
Formula:		
$A \quad X \quad \frac{B}{4C}$		
$67,000 \quad X \quad \frac{400,000}{4 \times 905,000} = 7,403$		
atau 10% daripada 67,000 = 6,700 yang mana lebih besar		<b>7,403</b>
<b>Pendapatan bercukai</b>		<b>392,597</b>

	RM
Cukai atas RM392,597 @ 25%	98,149.25
Tolak:	
Pelepasan seksyen 110 (400,000 X 25%)	<u>100,000.00</u>
Pembayaran balik	<u>1,850.75</u>

<sup>1</sup> Nota	
Dividen (dikasarkan) - 300,000 X $\frac{100}{75}$	400,000
<sup>2</sup> Nota	
Perbelanjaan dibenarkan (A):	
Saraan pengurus	24,000
Perbelanjaan pendaftaran saham	20,000
Fi audit, perakaunan & kesetiausahaan	12,000
Telefon dan alat tulis	6,000
Percetakan dan pos	<u>5,000</u>
	<u>67,000</u>
Pendapatan kasar terdiri daripada dividen dan faedah yang kena cukai (B):	
Dividen (dikasarkan) - 300,000 X $\frac{100}{75}$	400,000
Faedah (dikecualikan cukai)	<u>TIADA</u>
	<u>400,000</u>
Agregat pendapatan kasar (sama ada dikenakan cukai atau tidak) (C)	
Dividen Malaysia (kasar)	400,000
Dividen (syarikat perintis - dikecualikan cukai)	100,000
Dividen daripada syarikat luar negara	100,000
Faedah (dikecualikan cukai)	5,000
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	<u>300,000</u>
	<u>905,000</u>



**Contoh 3**

Tabung Unit Amanah ABC ditubuhkan untuk melabur dalam saham, bon dan simpanan tetap. Akaun untung dan rugi Tabung Unit Amanah ABC bagi tahun berakhir 31.12.2012 adalah seperti berikut:

<b>Pendapatan</b>		RM
Dividen Malaysia (kasar)		200,000
Dividen dikecualikan cukai		50,000
Faedah (dikecualikan cukai)		100,000
Keuntungan daripada pelupusan saham		500,000
<b>Pendapatan kasar</b>		<b>850,000</b>
Tolak: Perbelanjaan		
Saraan pengurus	30,000	
Perbelanjaan pendaftaran saham	10,000	
Telefon dan alat tulis	6,000	
Fi pemegang amanah	24,000	
Fi kesetiausahaan dan perakaunan	12,000	
Faedah atas pinjaman untuk membeli saham	6,000	88,000
<b>Untung bersih</b>		<b>762,000</b>

**Pengiraan Cukai Kena Dibayar Bagi Tahun Taksiran 2012**

<b>Pendapatan</b>		RM
Dividen (kasar)		200,000
Tolak: faedah atas pinjaman		<u>6,000</u>
		194,000
Dividen (dikecualikan cukai)		TIADA
Faedah (dikecualikan cukai)		TIADA
Keuntungan daripada pelupusan saham		TIADA
<b>Pendapatan agregat</b>		<b>194,000</b>
Tolak:		
Potongan untuk perbelanjaan dibenarkan <sup>3</sup>		
Formula:		
$A \quad X \quad \frac{B}{4C}$		
$58,000 \quad X \quad \frac{200,000}{4 \times 850,000} = 3,412$		

atau 10% daripada 58,000 = 5,800 yang mana lebih besar		5,800
Pendapatan bercukai		188,200

		RM
Cukai atas RM188,200 @ 25%		47,050
Tolak:		
Pelepasan seksyen 110		50,000
200,000 X $\frac{25}{100}$		<u>50,000</u>
Pembayaran balik		<u>2,950</u>
<sup>3</sup> Nota		
Perbelanjaan dibenarkan (A):		
Saraan pengurus		30,000
Perbelanjaan pendaftaran saham		10,000
Telefon dan alat tulis		6,000
Fi kesetiausahaan dan perakaunan		<u>12,000</u>
		<u>58,000</u>
Pendapatan kasar terdiri daripada dividen dan faedah yang dikenakan cukai (B):		
Dividen		200,000
Faedah		TIADA
		<u>200,000</u>
Agregat pendapatan kasar (sama ada dikenakan cukai atau tidak) (C)		
Dividend Malaysia (kasar)		200,000
Dividend dikecualikan		50,000
Faedah (dikecualikan cukai)		100,000
Keuntungan daripada pelupusan saham		<u>500,000</u>
		<u>850,000</u>

**Contoh 4**

Tabung Unit Amanah Islam DEF adalah tabung pendapatan tetap Islam yang melabur dalam instrumen pasaran wang Islam, bon jangka pendek (sukuk) dan bon kerajaan (sukuk) di Malaysia dan negara-negara asing lain yang diluluskan untuk pelaburan oleh SS dan jawatankuasa penasihat Syariah. Akaun untung dan rugi Tabung Unit Amanah Islam DEF bagi tahun berakhir 30.9.2012 adalah seperti berikut:

<b>Pendapatan</b>		RM
Pendapatan kasar dividen		900,000
Keuntungan daripada simpanan jangka pendek berasaskan Syariah, baki bank dan sukuk kerajaan		3,000,000
Keuntungan bersih daripada jualan pelaburan patuh Syariah		1,100,000
Pendapatan kasar		5,000,000
Tolak: Perbelanjaan		
Saraan pengurus	300,000	
Fi pemegang amanah	24,000	
Saraan juruaudit	6,000	
Fi ejen cukai	5,000	
Fi pentadbiran	20,000	
		355,000
Untung bersih		4,645,000

**Pengiraan Cukai Kena Dibayar Bagi Tahun Taksiran 2012**

<b>Pendapatan</b>		RM
Dividen		900,000
Keuntungan daripada simpanan jangka pendek berasaskan Syariah, baki bank dan sukuk kerajaan (dikecualikan cukai)		TIADA
Pendapatan kasar		900,000
Tolak:		
Potongan khas untuk perbelanjaan dibenarkan <sup>4</sup>		
Formula:		
	$A \quad X \quad \frac{B}{4C}$	
	$326,000 \quad X \quad \frac{900,000}{4 \times 5,000,000} = 14,670$	

atau 10% daripada 326,000 = 32,600 yang mana lebih besar		32,600
Pendapatan bercukai		867,400

Cukai atas RM867,400 @ 25%		RM 216,850
Tolak:		
Pelepasan seksyen 110 (900,000 @ 25%)		<u>225,000</u>
Pembayaran balik		<u>8,150</u>
<sup>4</sup> Nota		
Perbelanjaan dibenarkan (A):		
Saraan pengurus		300,000
Saraan jururaudit		6,000
Perbelanjaan pentadbiran		<u>20,000</u>
		<u>326,000</u>
Pendapatan kasar terdiri daripada dividen yang dikenakan cukai (B):		
Dividen		900,000
Agregat pendapatan kasar (sama ada dikenakan cukai atau tidak)(C)		
Pendapatan kasar dividen		900,000
Keuntungan daripada simpanan jangka pendek berasaskan Syariah, baki bank dan sukuk kerajaan (dikecualikan cukai)		3,000,000
Keuntungan bersih daripada jualan pelaburan patuh Syariah		<u>1,100,000</u>
		<u>5,000,000</u>

**8. Percukaian Amanah Harta Selain REIT/PTF**

- 8.1 Amanah harta yang melabur terutamanya dalam harta tanah yang menghasilkan pendapatan tetapi tidak memenuhi syarat sebagai REIT/PTF) menurut garis panduan SS akan terus dikenakan cukai atas pendapatan sewa di bawah seksyen 4(d), ACP 1967.
- 8.2 Oleh kerana pendapatan sewa daripada penyewaan harta tanah diberi layanan sebagai pendapatan di bawah seksyen 4(d), ACP 1967, amanah harta tidak berhak menuntut elaun modal atas aset tetap mengikut perenggan 2, Jadual 3, ACP 1967. Walau bagaimanapun amanah harta (yang bukan merupakan REIT/PTF) yang menerima pendapatan sewa daripada harta tanah berhak menuntut potongan khas untuk perbelanjaan modal yang layak di bawah seksyen 63A, ACP 1967 selain daripada potongan khas untuk perbelanjaan di bawah seksyen 63B, ACP 1967. Potongan khas ini adalah untuk perbelanjaan modal yang layak yang boleh ditolak daripada pendapatan laranan punca sewa unit amanah.
- 8.3 Perbelanjaan modal yang layak bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk penyediaan mesin atau loji yang digunakan untuk tujuan memperoleh sewa daripada penyewaan harta, termasuk -
- (a) perbelanjaan yang dilakukan untuk mengubahsuai bangunan yang sedia ada bagi tujuan memasang mesin atau loji dan perbelanjaan sampingan lain yang dilakukan yang berkaitan dengan pemasangan mesin dan loji asalkan perbelanjaan tersebut tidak melebihi 75% daripada agregat perbelanjaan dan mana-mana perbelanjaan modal layak yang lain, dan
  - (b) perbelanjaan yang dilakukan untuk menyiapkan atau meratakan tanah bagi tujuan menyiapkan tapak bagi pemasangan mesin atau loji dengan syarat perbelanjaan tersebut tidak melebihi 10% daripada agregat perbelanjaan dan mana-mana perbelanjaan modal layak yang lain.
- 8.4 Untuk memenuhi syarat bagi potongan khas syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi:
- (a) perbelanjaan modal yang layak hendaklah dilakukan oleh unit amanah,
  - (b) unit amanah hendaklah menjadi pemilik aset, dan
  - (c) aset hendaklah digunakan oleh unit amanah untuk tujuan memperoleh sewa daripada penyewaan harta.
- 8.5 Potongan khas adalah dalam bentuk elaun yang bersamaan 10% daripada perbelanjaan modal layak yang ditolak daripada pendapatan

larasan punca sewa daripada penyewaan harta tanah yang berkaitan. Apa-apa elaun yang tidak dapat diserap tidak dibenarkan untuk dihantar hadapan ke tahun taksiran berikutnya.

- 8.6 Di mana pada akhir tempoh asas untuk mana-mana tahun taksiran,
- (a) baki perbelanjaan berhubung dengan suatu aset berkaitan perbelanjaan modal yang layak adalah kosong,
  - (b) aset tidak lagi dimiliki oleh unit amanah, atau
  - (c) aset tidak lagi digunakan oleh unit amanah,

tiada elaun dibenarkan kepada unit amanah untuk tahun taksiran itu atau tahun berikutnya.

- 8.7 Potongan khas untuk perbelanjaan modal yang layak diberikan kepada unit amanah dalam menentukan pendapatan berkanun daripada punca sewa. Potongan khas ini tidak boleh di hantar hadapan jika pendapatan larasan tidak mencukupi. Juga, tiada pengiraan untuk kenaan imbalan atau elaun imbalan.
- 8.8 Potongan khas ini tidak terpakai kepada unit amanah yang merupakan REIT/PTF.
- 8.9 Untuk memastikan bahawa hanya REIT/PTF menikmati layanan cukai khas di mana pendapatan sewa daripada penyewaan harta dianggap sebagai punca perniagaan, peruntukan baru di bawah 63D, ACP 1967 diperkenalkan untuk tidak memasukkan pendapatan sewa yang diterima oleh unit amanah selain daripada REIT/PTF sebagai punca perniagaan.
- 8.10 Contoh berikut menunjukkan layanan cukai terhadap amanah harta selain daripada REIT/PTF:

#### **Contoh 5**

Sebuah amanah harta (bukan REIT/PTF), ditubuhkan pada tahun 2001 melabur terutamanya dalam harta tanah selain membuat pelaburan dalam saham dan bon. Sebuah bangunan diperolehi dalam tahun 2012 dan disewakan mulai 16.1.2012. Sebelum bangunan tersebut disewakan, lif tambahan telah dipasang. Perbelanjaan modal untuk lif adalah sebanyak RM900,000 dan kos ubahsuai adalah RM600,000. Akaun untung dan rugi bagi tahun berakhir 31.12.2012 adalah seperti berikut:

		RM
<b>Pendapatan</b>		
Dividen Malaysia (bersih)		300,000
Dividen (syarikat perintis – dikecualikan cukai)		100,000
Dividen daripada syarikat di luar negara		100,000
Faedah (dikecualikan cukai)		5,000
Sewa (kasar)		700,000
Keuntungan daripada pelupusan pelaburan		300,000
<b>Pendapatan kasar</b>		<b>1,505,000</b>
<b>Tolak: Perbelanjaan</b>		
Fi pemegang amanah	24,000	
Saraan pengurus	24,000	
Fi untuk pengurusan harta	12,000	
Perbelanjaan pendaftaran saham	20,000	
Fi audit, perakaunan dan kesetiausahaan	12,000	
Sewa pejabat	18,000	
Perbelanjaan telefon dan alat tulis	6,000	
Percetakan dan pos	5,000	
Cukai pintu dan cukai tanah	10,000	
Insurans kebakaran	5,000	136,000
<b>Untung bersih</b>		<b>1,369,000</b>

**Pengiraan Cukai Kena Dibayar Bagi Tahun Taksiran 2012**

		RM
<b>Pendapatan</b>		
Sewa		700,000
<b>Tolak:</b>		
Fi pengurusan harta	12,000	
Cukai pintu dan cukai tanah	10,000	
Insurans kebakaran	5,000	27,000
<b>Tolak:</b>		<b>673,000</b>
<b>Potongan khas untuk perbelanjaan modal yang layak:</b>		
<b>Perbelanjaan modal yang layak adalah:</b>		
Kos lif	900,000	
Kos ubahsuai	600,000	
	<u>1,500,000</u>	
10% daripada 1,500,000 = 150,000		150,000
		<b>523,000</b>

Dividen (kasar) <sup>5</sup>		400,000
Dividen (cukai dikecualikan)		TIADA
Faedah (cukai dikecualikan)		TIADA
Pendapatan agregat		923,000
Tolak: Potongan khas untuk perbelanjaan yang layak <sup>6</sup>		
Formula:		
$A \quad X \quad \frac{B}{4C}$		
$67,000 \quad X \quad \frac{1,100,000}{4 \times 1,605,000} = 11,480$		
atau 10% daripada 67,000 = 6,700 yang mana lebih besar		11,480
Pendapatan bercukai		911,520

	RM
Cukai atas RM911,520 @ 25%	227,880
Tolak:	
Pelepasan seksyen 110 (400,000 X 25%)	<u>100,000</u>
Cukai kena dibayar	<u>127,880</u>

<sup>5</sup> Nota		
Dividen (dikasarkan) - 300,000 X $\frac{100}{75}$		400,000
<sup>6</sup> Nota		
Perbelanjaan dibenarkan (A):		
Saraan pengurus		24,000
Perbelanjaan pendaftaran saham		20,000
Fi audit, perakaunan dan kesetiausahaan		12,000
Telefon & alat tulis		6,000
Percetakan dan pos		<u>5,000</u>
		<u>67,000</u>



Pendapatan kasar terdiri daripada dividen, faedah dan sewa yang dikenakan cukai ( <b>B</b> ):		
Dividen (dikasarkan) - 300,000 X $\frac{100}{75}$		400,000
Faedah		TIADA
Sewa		700,000
		<u>1,100,000</u>
Agregat pendapatan kasar (sama ada dikenakan cukai atau tidak) ( <b>C</b> )		
Dividen Malaysia (Dikasarkan)		400,000
Dividen (syarikat perintis – dikecualikan cukai)		100,000
Dividen daripada syarikat di luar negara		100,000
Faedah (dikecualikan cukai)		5,000
Sewa (kasar)		700,000
Keuntungan daripada pelupusan pelaburan		<u>300,000</u>
		<u>1,605,000</u>

**9. Glosari**

- 9.1 “Agihan” merujuk kepada pengagihan pendapatan oleh tabung unit amanah kepada pemegang unitnya.
- 9.2 “Amanah pelaburan harta tanah atau tabung harta tanah” (REIT/PTF) bermaksud skim amanah yang layak sebagai amanah pelaburan harta tanah atau tabung harta tanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- 9.3 “Dividen” termasuk pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah.
- 9.4 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 9.5 “Kelas unit” berhubung amanah unit bermaksud dua atau lebih kelas unit yang mewakili kepentingan yang sama dalam aset dana.
- 9.6 “Ketua Pengarah” (KP) bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 9.7 “Orang” termasuk sebuah syarikat, koperasi, kelab, persatuan, Keluarga Sekutu Hindu, amanah, harta pesaka, individu dan perkongsian.

- 9.8 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran mengikut subseksyen 61(3) ACP 1967.
- 9.9 “Pemegang unit ” bermaksud pemegang unit tabung unit amanah.
- 9.10 “Suruhanjaya Sekuriti” bermaksud Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1983.
- 9.11 “Tabung” bermaksud tabung unit amanah atau tabung unit amanah Islam.
- 9.12 “Tabung payung” bermaksud tabung yang mempunyai sekurang-kurangnya dua tabung di bawahnya.
- 9.13 “Tabung unit amanah” bermaksud mana-mana skim unit amanah selain daripada amanah pelaburan harta tanah / tabung amanah harta di mana apa-apa peraturan dibuat untuk tujuan, atau mempunyai kesan, memberi kemudahan untuk penyertaan orang sebagai benefisiari di bawah suatu amanah yang menerbitkan keuntungan atau pendapatan daripada pengambil alihan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan -
- (a) sekuriti,
  - (b) kontrak hadapan, atau
  - (c) lain-lain harta yang dibenarkan di bawah undang-undang berkaitan atau garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti berkaitan unit amanah, dan
- termasuk tabung di bawah tabung payung.
- 9.14 “Tabung unit amanah Islam atau tabung unit amanah berasaskan Syariah” bermaksud skim unit amanah yang diuruskan dan dikendalikan mengikut prinsip Syariah.
- 9.15 “Undang-Undang Sekuriti” bermaksud Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453], dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
- 9.16 “Unit” berkaitan tabung unit amanah bermaksud pengukuran suatu hak pemegang unit dalam tabung unit amanah.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**